

# Musim peralihan monsun, nelayan kurang

## turun ke laut

UM 27/10/23

m/s 30

**GEORGE TOWN:** Nelayan-nelayan di negeri ini kini berdepan dengan ketidaktentuan dalam mencari rezeki di laut susulan musim peralihan monsun yang sedang melanda negeri-negeri di Utara tanah air.

Jika sebelum ini nelayan dapat turun ke laut setiap hari, namun kini mereka hanya dapat keluar menangkap ikan di laut dalam tempoh dua atau tiga hari seminggu kerana faktor hujan dan angin kuat sehingga menyebabkan laut bergelora.

Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, Rosli-zan Ramli berkata, sejak awal bulan ini berlaku hujan lebat serta angin kencang menyebabkan laut bergelora dan situasi itu dijangka berterusan sehingga Disember ini.

“Setiap tahun memang apabila berlaku musim peralihan monsun nelayan berdepan kesukaran untuk turun ke laut.

“Macam saya sendiri, baru-baru ini lima hari saya tidak dapat turun ke laut kerana hujan berterusan serta keadaan laut yang merbahaya bagi bot-bot nelayan kecil,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, bekalan ikan juga dijangka berkurangan sepanjang musim peralihan monsun itu kerana nelayan tidak dapat turun ke laut.

“Pada masa ini, dalam seminggu jika cuaca baik nelayan memang akan turun ke laut, namun selalunya kami tidak dapat turun setiap hari seperti sebelumnya kerana laut bergelora.

“Bekalan ikan seperti ikan rakyat (termenung) berkurangan di pasaran kerana nelayan tidak dapat ke laut setiap hari, namun kekurangannya tidak terlalu ketara,” katanya.